Majlis Perbandaran Seberang Perai v Lembaga Lektrik Negara

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — USUL PEMULA NO R2–25–72 TAHUN 1996

AZMEL H

17 OKTOBER 2000

Acara Sivil *— Masa — Perlanjutan masa — Permohonan untuk mendapat certiorari — Alasan keputusan tribunal diterima lewat — Sama ada had masa enam minggu dikira dari tarikh penerimaan alasan tribunal — Sama ada lanjutan masa harus diberi — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 53 k 1(2)*

Plaintif telah memohon untuk mendapat perintah certiorari terhadap keputusan suatu tribunal. Keputusan tribunal telah dibuat secara lisan pada 3 Oktober 1994 tetapi alasan-alasan bertulis hanya diberikan kepada pemohon pada 14 Jun 1996. Permohonan untuk lanjutan masa untuk memfail permohonan certiorari hanya difailkan di mahkamah pada 25 Julai 1996, setelah tempoh enam minggu telah lama luput. Akan tetapi, jika masa enam minggu itu dikira dari tarikh alasan-alasan keputusan tribunal tersebut diterima oleh pemohon iaitu pada 14 Jun 1996, maka enam minggu itu masih belum luput.

Diputuskan, membenarkan perlanjutan masa bagi pemohon:

Mahkamah telah menggunakan budi bicara seperti yang dibenarkan di dalam A 53 k 1A Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 untuk membenarkan lanjutan masa bagi pemohon memfailkan permohonan ini. Ini adalah kerana mahkamah berpuas hati dengan penjelasan yang diberi oleh pemohon mengapa permohonan ini tidak difailkan dalam masa enam minggu dari tarikh keputusan lisan tribunal tersebut. Kelewatan memfailkannya ialah kerana pemohon terpaksa menunggu tribunal tersebut mengemukakan alasan-alasan keputusannya, yang sangat diperlukan oleh pemohon demi memenuhi kehendak-kehendak A 53 k 1(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 iaitu mengadakan alasan-alasan permohonan tersebut (lihat ms 89B–D).

[**English summary**

The plaintiff applied for a certiorari order against the decision of a tribunal. The tribunal's decision was made orally on 3 October 1994 but the written grounds were only given to the applicant on 14 June 1996. The application for an extension of time to file for certiorari was only filed at the court on 25 July 1996, after six weeks have lapsed. However, if the six-week period is said to run from the date the written grounds of the tribunal's decision were received by the applicant, that is, on 14 June 1996, then the six-week period cannot be said to have lapsed.

Held, allowing the plaintiff's extention of time:
The court has exercised its discretion as allowed under O 53 r 1A of the Rules of the High Court 1980 to grant the extension of time in order that the applicant may file its application. This is because the court was satisfied with the grounds given by the applicant as to why the application was not filed within six weeks from the date the oral decision of the tribunal was delivered. The delay was due to the fact that the applicant had to wait for the written grounds of the decision by the tribunal, which were crucial to the applicant in ensuring that the requirements of O 53 r 1(2) of the Rules of the High Court 1980, namely, that one must have the grounds of the application, may be fulfilled (see p 89B–D).]

Notes

Untuk kes-kes mengenai perlanjutan masa, lihat 2(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 1998 Reissue) perenggan 4857–4877.

Legislation referred to

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 53, 53 k1A, 53 k1(2)

S Thomas (*Rashid & Lee*) bagi pihak perayu.
P H Goh (*Bakar & Partners*) bagi pihak responden.

Azmel H. : Pada 13 November 1996, saya telah membuat satu keputusan berkaitan dengan kes ini mengenai isu sama ada mahkamah ini mempunyai bidangkuasa untuk mendengar permohonan plaintif untuk mendapat perintah certiorari terhadap keputusan tribunal sumbangan bantu kadar dimana pengerusinya adalah seorang hakim Mahkamah Tinggi. Oleh kerana isu bidangkuasa ini adalah penting untuk diputuskan terlebih dahulu, maka saya telah mengarahkan peguam dari kedua-dua pihak mengemukakan hujahan masing-masing. Memandangkan ini melibatkan isu undang-undang, saya mengarahkan supaya mereka mengemukakan hujahan bertulis. Setelah menimbangkan dengan wajarnya hujahan mereka saya memutuskan bahawa mahkamah ini mempunyai bidangkuasa untuk mendengar permohonan pemohon. Oleh kerana pihak responden tidak berpuas hati dengan keputusan saya itu, mereka telah memfailkan satu rayuan kepada Mahkamah Rayuan. Alasan penghakiman saya telah pun dikemukakan yang bertarikh 2 Januari 1997.

Pada 10 Jun 1999, Mahkamah Rayuan, sewaktu mendengar rayuan tersebut, telah menurunkan satu perintah mengarahkan mahkamah ini untuk mendengar dan memutuskan prayer (ii) permohonan pemohon di dalam lampiran 3 mengenai isu permohonan untuk lanjutan masa memfail permohonan certiorari ini mengikut A 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

Selaras dengan arahan Mahkamah Rayuan itu, setelah membaca dan mempertimbangkan dengan wajarnya hujahan-hujahan bertulis dari peguam-peguam kedua-dua belah pihak, saya telah membuat keputusan untuk membenarkan permohonan pemohon untuk lanjutan masa untuk

memfailkan permohonannya itu. Responden tidak puas hati dengan keputusan itu dan sekali lagi membuat rayuan kepada Mahkamah Rayuan. Alasan saya mengenai keputusan itu adalah seperti berikut. Terlebih dahulu ingin saya ingatkan bahawa latar belakang kes ini telah pun saya nyatakan di dalam alasan penghakiman saya yang pertama bertarikh 2 Januari 1997. Oleh itu, saya rasa tidaklah perlu bagi saya menyatakannya semula.

Berkaitan dengan isu ini, peruntukan undang-undang yang paling relevan ialah A 53 k 1A Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 yang berbunyi:

> Time for applying for leave (O 53 r 1A)
> Leave shall not be granted to apply for an order of certiorari to remove any judgment order, conviction or other proceedings for the purpose of its being quashed, unless the application for leave is made within 6 weeks after the date of the proceedings or such other period (if any) as may be prescribed by any enactment or, *except where a period is so prescribed, the delay is accounted for to the satisfaction of the court or judge to whom the application for leave is made* and where the proceeding is subject to appeal and a time is limited by law for the bringing of the appeal, the court or judge may adjourn the application for leave until the appeal is determined or the time for appealing has expired. (Emphasis added.)

Fakta-fakta yang relevan mengenai isu ini ialah keputusan tribunal berkenaan telah dibuat *secara lisan* pada 3 Oktober 1994 tetapi alasan-alasan bertulis hanya diberikan kepada pemohon pada 14 Jun 1996. Permohonan ini hanya difailkan di mahkamah ini pada 25 Julai 1996. Dari fakta-fakta yang tersebut di atas jika masa enam minggu dikira dari keputusan lisan dibuat, iaitu pada 3 Oktober 1994, maka adalah jelas bahawa masa enam minggu itu telah lama luput. Akan tetapi, jika masa enam minggu itu dikira dari tarikh alasan-alasan keputusan tribunal tersebut diterima oleh pemohon iaitu pada 14 Jun 1996, maka enam minggu itu masih belum luput.

Pemohon mengatakan untuk membuat permohonan ini mereka perlu tahu apakah alasan-alasan yang telah diputuskan oleh tribunal tersebut. Ini adalah penting oleh kerana permohonan dibawah A 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, memerlukan pemohon menyatakan alasan-alasan permohonan itu dibuat. Ini terkandung didalam A 53 k 1(2) yang berbunyi :

> *No application for order of mandamus, etc without leave (O 53 r 1)*
>
> (1) …
>
> (2) An application for such leave must be made *ex parte* to the court, except in vacation when it may be made to a judge in chambers, and must be supported by a statement setting out the name and description of the applicant the relief sought *and the grounds on which it is sought*, and by affidavits to be filed before the application is made, verifying the facts relied on. (Emphasis added.)

Jelas dari peruntukan A 53 k 1(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ini bahawa pemohon perlu memberi alasan-alasan mengenai permohonan tersebut. Pada hemat saya, pemohon hanya berupaya mengadakan alasan-alasan itu setelah menerima alasan-alasan bagaimana tribunal tersebut

membuat keputusan itu. Tanpa menerima alasan-alasan keputusan tribunal itu pemohon tidak mungkin dapat menyempurnakan kehendak-kehendak yang terkandung di dalam A 53 k 1(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, yang mana satu daripada keperluannya ialah alasan-alasan mengapa permohonan ini dibuat.

Di dalam keadaan yang demikian, saya telah menggunakan budibicara saya seperti yang dibenarkan di dalam A 53 k 1A Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 untuk membenarkan lanjutan masa bagi pemohon memfailkan permohonan ini. Ini adalah kerana saya berpuas hati dengan penjelasan yang diberi oleh pemohon mengapa permohonan ini tidak difailkan didalam masa enam minggu dari tarikh keputusan lisan tribunal tersebut. Kelewatan memfailkannya ialah kerana pemohon terpaksa menunggu tribunal tersebut mengemukakan alasan-alasan keputusannya, yang sangat diperlukan oleh pemohon demi memenuhi kehendak-kehendak A 53 k 1(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, iaitu mengadakan alasan-alasan permohonan tersebut. Dan permohonan itu telahpun difailkan di dalam masa enam minggu dari tarikh penerimaan alasan-alasan keputusan tribunal tersebut.

Satu perkara lagi yang telah dibangkitkan oleh peguam responden di dalam penghujahan bertulisnya ialah mengenai deraf keputusan tribunal tersebut yang telah diterima lebih awal oleh pemohon sebelum keputusan sahih (final) diserahkan kepada pemohon, yang mana kandungannya adalah tidak berbeza. Oleh kerana kandungannya tidak berbeza, maka pemohon tidak perlu menunggu keputusan sahih. Saya telahpun memberi pertimbangan terhadap penghujahan peguam responden ini. Walaubagaimanapun, saya tidak dapat menerimanya. Deraf keputusan hendaklah disifatkan sebagai satu keputusan yang masih belum muktamad. Dalam keadaan sebegitu tidak seorang pun dapat memberi kepastian bahawa deraf itu tidak akan berubah. Kemungkinan ianya diubah pasti wujud. Di atas alasan yang sama jugalah mengapa deraf perintah tidak boleh diterima sebagai perintah yang sah dikemukakan didalam sesuatu ikatan rekod rayuan. Dengan hal yang demikian tarikh penerimaan deraf keputusan tribunal tidak boleh diambil kira sebagai penyerahan keputusan tribunal tersebut. Apa yang boleh diterima ialah tarikh penerimaan alasan-alasan keputusan sahih tribunal tersebut.

Memandangkan pemfailan permohonan ini dilakukan oleh pemohon dalam masa enam minggu dari tarikh penerimaan alasan-alasan keputusan sahih tribunal tersebut saya telah menggunakan budi bicara saya membenarkan perlanjutan masa bagi pemohon membuat permohonan ini dibawah A 53 k 1A Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Dalam membuat keputusan, ini saya juga mengambil kira adanya merit-merit yang dinyatakan oleh pemohon di dalam affidavit sokongannya.

Perlanjutan masa bagi pemohon dibenarkan.

Dilaporkan oleh Wong Ee Lynn